



7 Jun 2019  
7 June 2019  
P.U. (A) 161

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

PERINTAH CUKAI PENDAPATAN  
(PENGEQUALIAN) (NO. 5) 2019

*INCOME TAX (EXEMPTION) (NO. 5) ORDER 2019*

DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENGECCUALIAN) (NO. 5) 2019

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 127(3)(b) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Cukai Pendapatan (Pengeccualian) (No. 5) 2019**.

(2) Perintah ini disifatkan mula berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2016.

**Tafsiran**

2. Dalam Perintah ini—

“eksport” ertinya eksport langsung dari Malaysia hasil pertanian atau keluaran daripada pengilangan tetapi tidak termasuk—

(a) jualan kepada mana-mana syarikat di dalam kawasan yang diisytiharkan sebagai zon bebas di bawah Akta Zon Bebas 1990 [*Akta 438*];

(b) jualan kepada mana-mana syarikat yang diberikan lesen untuk penggudangan atau lesen untuk menjalankan apa-apa proses pengilangan di bawah seksyen 65 atau 65A Akta Kastam 1967 [*Akta 235*], mengikut mana-mana yang berkenaan; dan

(c) jualan kepada mana-mana syarikat di dalam Langkawi, Labuan atau Tioman;

“hasil pertanian” ertinya buah-buahan segar dan kering, bunga-bunga segar dan kering, pokok hiasan, dan termasuk ikan hiasan, udang mentah sejuk beku,

udang masak dan dibuang kulit sejuk beku, sotong katak mentah sejuk beku dan sotong mentah sejuk beku;

“pengilangan” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam perenggan 9 Jadual 7A kepada Akta;

“syarikat yang layak” ertinya syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016 [*Akta 777*] dan bermastautin di Malaysia.

### **Pengecualian**

3. (1) Tertakluk kepada subperenggan (2), (3) dan (4), dan perenggan 4, Menteri mengecualikan suatu syarikat yang layak yang mencapai peningkatan jualan eksport bagi hasil pertanian atau keluaran daripada pengilangan daripada pembayaran cukai pendapatan berkenaan dengan pendapatan yang diperoleh daripada jualan eksport dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran.

(2) Pengecualian di bawah subperenggan (1) terpakai bagi syarikat yang layak—

(a) yang nilai peningkatan eksportnya ialah sekurang-kurangnya lima puluh peratus dalam suatu tempoh asas bagi suatu tahun taksiran;

(b) yang menembusi pasaran baharu bagi eksport sebagaimana yang ditentukan oleh Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia; atau

(c) yang dianugerahkan Anugerah Kecemerlangan Eksport oleh Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi perdagangan antarabangsa dan industri kerana mencapai peningkatan jualan eksport tertinggi bagi suatu tahun taksiran.

(3) Pengecualian yang disebut dalam subperenggan (1) adalah tertakluk kepada syarat yang berikut:

- (a) sekurang-kurangnya enam puluh peratus modal saham yang diterbitkan syarikat yang layak itu dimiliki secara langsung oleh warganegara Malaysia;
- (b) hasil pertanian itu ditanam, ditenak atau ditangkap oleh syarikat yang layak itu; dan
- (c) keluaran daripada pengilangan itu dikilangkan oleh syarikat yang layak itu.

(4) Pengecualian di bawah subperenggan (1) tidak terpakai bagi eksport—

- (a) keluaran daripada pengilangan yang tertakluk kepada larangan mengenai eksport di bawah Akta Kastam 1967; dan
- (b) keluaran daripada pengilangan yang tersenarai dalam Jadual.

#### **Amaun pendapatan yang dikecualikan**

4. (1) Amaun pendapatan yang dikecualikan di bawah perenggan 3 ialah suatu amaun yang bersamaan dengan—

- (a) berhubung dengan syarikat yang layak yang disebut dalam subsubperenggan 3(2)(a), tiga puluh peratus daripada nilai peningkatan eksport;
- (b) berhubung dengan syarikat yang layak yang disebut dalam subsubperenggan 3(2)(b), lima puluh peratus daripada nilai peningkatan eksport; atau

(c) berhubung dengan syarikat yang layak yang disebut dalam subsubperenggan 3(2)(c), seratus peratus daripada nilai peningkatan eksport.

(2) Walau apa pun subperenggan (1), amaun pendapatan yang dikecualikan hendaklah tidak melebihi tujuh puluh peratus daripada pendapatan berkanun syarikat yang layak itu bagi suatu tahun taksiran.

### **Penentuan nilai peningkatan eksport**

5. (1) Nilai peningkatan eksport hendaklah ditentukan berdasarkan perbezaan antara—

(a) nilai percuma ke atas kapal bagi jualan eksport dalam suatu tempoh asas dengan nilai percuma ke atas kapal bagi jualan eksport dalam tempoh asas sebaik sebelum tempoh asas itu, jika kedua-dua tempoh asas bagi syarikat yang layak itu ialah tempoh dua belas bulan yang berakhir pada tarikh yang sama; atau

(b) nilai percuma ke atas kapal purata bagi jualan eksport dalam suatu tempoh asas dengan nilai percuma ke atas kapal purata bagi jualan eksport dalam tempoh asas sebaik sebelum tempoh asas itu, jika kedua-dua tempoh asas bagi syarikat yang layak itu bukan tempoh dua belas bulan yang berakhir pada tarikh yang sama disebabkan pertukaran tempoh asas syarikat yang layak itu atau syarikat yang layak itu baru diperbadankan.

(2) Bagi maksud subperenggan (1), nilai percuma ke atas kapal bagi jualan eksport dalam suatu tempoh asas atau tempoh asas sebaik sebelum tempoh asas itu hendaklah tidak bersamaan dengan sifar.

**Ketidakcukupan pendapatan**

6. Jika, oleh sebab ketiadaan atau ketidakcukupan pendapatan berkanun, pengecualian tidak boleh diberikan atau tidak boleh diberikan sepenuhnya sebagaimana yang syarikat yang layak itu berhak di bawah perenggan 3 bagi tahun taksiran itu, maka sekian banyak daripada pendapatan berkanun yang berkenaan dengannya pengecualian tidak boleh diberikan bagi tahun taksiran itu hendaklah diberikan pengecualian bagi tahun taksiran pertama yang berikutnya bagi tempoh asas yang syarikat yang layak itu mempunyai pendapatan berkanun daripada eksport hasil pertanian atau keluaran daripada pengilangan dan bagi tahun atau tahun-tahun taksiran yang berikutnya sehinggalah pengecualian diberikan berkenaan dengan keseluruhan pendapatan berkanun sebagaimana yang syarikat yang layak itu berhak di bawah perenggan 3 tetapi hendaklah tidak melebihi tujuh puluh peratus daripada pendapatan berkanun bagi setiap tahun taksiran itu.

**Punca berasingan dan akaun berasingan**

7. (1) Jika syarikat yang layak menjalankan suatu aktiviti berhubung dengan eksport hasil pertanian atau keluaran daripada pengilangan dan aktiviti selain aktiviti berhubung dengan eksport hasil pertanian atau keluaran daripada pengilangan, setiap aktiviti hendaklah dikira sebagai suatu punca berasingan dan berlainan bagi aktiviti itu.

(2) Syarikat yang layak yang diberikan pengecualian di bawah perenggan 3 hendaklah menyenggara suatu akaun yang berasingan bagi pendapatan yang diperoleh daripada setiap aktiviti yang disebut dalam subperenggan (1).

**Ketidakpakaian**

8. Perintah ini tidak terpakai bagi suatu syarikat yang layak berkenaan dengan eksport hasil pertanian atau keluaran daripada pengilangan yang sama jika dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran—

- (a) syarikat yang layak itu telah diberikan elaun pelaburan semula di bawah Jadual 7A kepada Akta atau elaun pelaburan bagi sektor perkhidmatan di bawah Jadual 7B kepada Akta;
- (b) syarikat yang layak itu telah diberikan apa-apa insentif di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986 [*Akta 327*];
- (c) syarikat yang layak itu telah diberikan apa-apa pengecualian di bawah perenggan 127(3)(b) atau subseksyen 127(3A) Akta; atau
- (d) syarikat yang layak itu telah membuat suatu tuntutan bagi suatu potongan di bawah mana-mana kaedah-kaedah yang dibuat di bawah seksyen 154 Akta kecuali—
  - (i) kaedah-kaedah berhubung dengan elaun di bawah Jadual 3 kepada Akta;
  - (ii) Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Perbelanjaan Audit) 2006 [*P.U. (A) 129/2006*]; atau
  - (iii) Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Perbelanjaan berhubung dengan Yuran Kesetiausahaan dan Yuran Pemfailan Cukai) 2014 [*P.U. (A) 336/2014*].

### **Pembatalan**

9. (1) Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 17) 2005 [*P.U. (A) 158/2005*] dibatalkan.

(2) Walau apa pun subperenggan (1), Perintah yang disebut dalam subperenggan (1) hendaklah terus terpakai bagi apa-apa pengecualian yang telah diberikan di bawah Perintah itu seolah-olah Perintah itu tidak dibatalkan.

JADUAL

<i>No.</i>	<i>Produk</i>	<i>Kod sistem berharmoni (H.S)</i>
1.	Jongkong timah atau papak, bijih timah dan bijih padat	80.01; 2609.00 000
2.	Getah asli keping dan papak, getah piawaian Malaysia, getah asli krep, susu getah asli dan gam asli	4001.10; 4001.21 4001.22; 4001.29 4001.30
3.	Minyak isirung kelapa sawit mentah, bungkil isirung kelapa sawit dan minyak kelapa sawit mentah	1513.21 100; 2306.60 000; 1511.10 000
4.	Kelapa kering, bungkil kelapa kering dan minyak kelapa mentah	1203.00 000; 1513.11 000; 2306.50 000
5.	Kayu balak, kayu gergaji (tidak digred dan tidak dikering tanur) dan serpai kayu (kecuali briket)	44.08; 44.07; 44.01; 44.30
6.	Minyak petroleum (minyak mentah atau selain minyak mentah) dan gas petroleum dan gas hidrokarbon yang	2709.00; 2710.00; 27.11; 27.12; 27.13; 2804.10 000;



<i>No.</i>	<i>Produk</i>	<i>Kod sistem berharmoni (H.S)</i>
	lain (dalam keadaan cecair atau bergas) hidrogen, nitrogen dan oksigen	2804.30 000; 2804.40 000

Dibuat 16 Mei 2019

[Perb. CR(8.20)116/1-138(2016)(S).2)(SK.2); LHDN.01/10.5-1/61-5; PN(PU2)80/XCIV]

LIM GUAN ENG  
*Menteri Kewangan*

[Akan dibentangkan di Dewan Rakyat menurut subseksyen 127(4) Akta Cukai Pendapatan 1967]

INCOME TAX ACT 1967

INCOME TAX (EXEMPTION) (NO. 5) ORDER 2019

IN exercise of the powers conferred by paragraph 127(3)(b) of the Income Tax Act 1967 [*Act 53*], the Minister makes the following order:

**Citation and commencement**

1. (1) This order may be cited as the **Income Tax (Exemption) (No. 5) Order 2019**.

(2) This Order is deemed to have come into operation from the year of assessment 2016.

**Interpretation**

2. In this Order—

“export” means direct export from Malaysia of agricultural produce or product from manufacturing but does not include—

(a) sales to any company in an area declared as free zones under the Free Zones Act 1990 [*Act 438*];

(b) sales to any company which is granted a licence for warehousing or a licence to carry on any manufacturing process under section 65 or 65A of the Customs Act 1967 [*Act 235*], as the case may be; and

(c) sales to any company within Langkawi, Labuan or Tioman;

“agricultural produce” means fresh and dried fruits, fresh and dried flowers, ornamental plant, and includes ornamental fish, frozen raw prawn, frozen cooked and peeled prawn, frozen raw cuttlefish and frozen raw squid;

“manufacturing” has the meaning assigned to it in paragraph 9 of Schedule 7A to the Act;

“qualifying company” means a company incorporated under the Companies Act 2016 [Act 777] and resident in Malaysia.

### **Exemption**

3. (1) Subject to subparagraphs (2), (3) and (4), and paragraph 4, the Minister exempts a qualifying company which achieves increase in export sales of agricultural produce or product from manufacturing from the payment of income tax in respect of the income derived from export sales in the basis period for a year of assessment.

(2) The exemption under subparagraph (1) applies to a qualifying company—

- (a) the value of increased exports of which is at least fifty per cent in a basis period for a year of assessment;
- (b) which penetrates a new market for export as determined by the Malaysia External Trade Development Corporation; or
- (c) which is awarded an Export Excellence Award by the Minister charged with the responsibility for international trade and industry to a company for achieving the highest increase in export sales for a year of assessment.

(3) The exemption referred to in subparagraph (1) is subject to the following conditions:

- (a) at least sixty per cent of the issued share capital of the qualifying company is owned directly by Malaysian citizen;

- (b) the agricultural produce is planted, reared or caught by the qualifying company; and
- (c) the product from manufacturing is manufactured by the qualifying company.
- (4) The exemption under subparagraph (1) does not apply to the export of—
- (a) product from manufacturing which is subject to prohibition of exports under the Customs Act 1967; and
- (b) product from manufacturing which is listed in the Schedule.

**Amount of income to be exempted**

4. (1) The amount of income exempted under paragraph 3 is an amount equal to—
- (a) in relation to a qualifying company referred to in subparagraph 3(2)(a), thirty per cent of the value of increased exports;
- (b) in relation to a qualifying company referred to in subparagraph 3(2)(b), fifty per cent of the value of increased exports; or
- (c) in relation to a qualifying company referred to in subparagraph 3(2)(c), one hundred per cent of the value of increased exports.

(2) Notwithstanding subparagraph (1), the amount of income exempted shall not exceed seventy per cent of the statutory income of the qualifying company for a year of assessment.

**Determination of value of increased exports**

5. (1) The value of increased exports shall be determined based on the difference between—

(a) the free-on-board value of export sales in a basis period with the free-on-board value of export sales in the basis period immediately preceding that basis period, where both basis periods of the qualifying company are twelve months period ending on the same date; or

(b) the average free-on-board value of export sales in a basis period with the average free-on-board value of export sales in the basis period immediately preceding that basis period, where both basis periods of the qualifying company are not twelve months period ending on the same date due to the change of the basis period of the qualifying company or the qualifying company is newly incorporated.

(2) For the purpose of subparagraph (1), the value of free-on-board export sales in a basis period or the basis period immediately preceding that basis period shall not be equal to zero.

**Insufficiency of income**

6. Where, by reason of the absence or insufficiency of the statutory income, exemption cannot be granted or cannot be granted in full as the qualifying company is entitled under paragraph 3 for that year of assessment, then so much of the statutory income in respect of which exemption cannot be granted for that year of assessment

shall be given exemption for the first subsequent year of assessment for the basis period for which the qualifying company has statutory income from the export of agricultural produce or product from manufacturing and for subsequent year or years of assessment until the exemption is granted in respect of the whole statutory income as the qualifying company is entitled under paragraph 3 but shall not exceed seventy per cent from the statutory income for each year of assessment.

**Separate source and separate account**

7. (1) Where a qualifying company carries on an activity in relation to the export of agricultural produce or product from manufacturing and activity other than the activity in relation to the export of agricultural produce or product from manufacturing, each activity shall be treated as a separate and distinct source of the activity.

(2) The qualifying company which is granted an exemption under paragraph 3 shall maintain a separate account for the income derived from each activity referred to in subparagraph (1).

**Non-application**

8. This Order shall not apply to a qualifying company in respect of the same export of agricultural produce or product from manufacturing if in the basis period for a year of assessment—

(a) the qualifying company has been granted reinvestment allowance under Schedule 7A to the Act or investment allowance for service sector under Schedule 7B to the Act;

(b) the qualifying company has been granted any incentive under the Promotion of Investments Act 1986 [Act 327];

- (c) the qualifying company has been granted any exemption under paragraph 127(3)(b) or subsection 127(3A) of the Act; or
- (d) the qualifying company has made a claim for deduction under any rules made under section 154 of the Act except—
- (i) rules in relation to allowance under Schedule 3 to the Act;
- (ii) the Income Tax (Deduction for Audit Expenditure) Rules 2006 [P.U. (A) 129/2006]; or
- (iii) the Income Tax (Deduction for Expenses in relation to Secretarial Fee and Tax Filing Fee) Rules 2014 [P.U. (A) 336/2014].

### Revocation

9. (1) The Income Tax (Exemption) (No. 17) Order 2005 [P.U. (A) 158/2005] is revoked.

(2) Notwithstanding subparagraph (1), the Order referred to in subparagraph (1) shall continue to apply to any exemption which has been granted under that Order as if that Order has not been revoked.

### SCHEDULE

<i>No.</i>	<i>Product</i>	<i>Harmonized system code (H.S)</i>
1.	Tin ingot or slab, tin ore and concentrate	80.01; 2609.00 000
2.	Natural rubber sheet and slab,	4001.10; 4001.21

<i>No.</i>	<i>Product</i>	<i>Harmonized system code (H.S)</i>
	standard Malaysian rubber, crepe natural rubber, natural rubber latex and natural gum	4001.22; 4001.29 4001.30
3.	Crude palm kernel oil, palm kernel cake and crude palm oil	1513.21 100; 2306.60 000; 1511.10 000
4.	Copra, copra cake and crude coconut oil	1203.00 000; 1513.11 000; 2306.50 000
5.	Log, sawn timber (ungraded and non-kiln dry) and wood chip (except briquette)	44.08; 44.07; 44.01; 44.30
6.	Petroleum oil (crude and other than crude oil) and petroleum gas and other gaseous hydrocarbon (liquefied or in gaseous state) hydrogen, nitrogen and oxygen	2709.00; 2710.00; 27.11; 27.12; 27.13; 2804.10 000; 2804.30 000; 2804.40 000

Made 16 May 2019

[Perb. CR(8.20)116/1-138(2016)(SJ.2)(SK.2); LHDN.01/10.5-1/61-5; PN(PU2)80/XCIV]

LIM GUAN ENG  
*Minister of Finance*

[To be laid before the Dewan Rakyat pursuant to subsection 127(4) of the Income Tax Act 1967]